# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 22 | RABU 31HB. MEI, 1978. | 1398 رابو 23 جماديالاخير | PERCHUMA






GAMBAR atas kelihatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sedang memereksa barisan yang terdiri dari anggota2 Battalion Pertama dan Kedua Askar Melayu Diraja Brunei yang menyertai perbarisan sa-jurus sa-belum Baginda mengorniakan Panji2 kapada kedua2 battalion pasokan tersebut (gambar kanan).

# D.Y.M.M. MENGORNIAKAN PANJI2 KAPADA AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengorniakan Panji2 baru kapada Battalion Pertama dan Kedua Askar Melayu Diraja Brunei di-Upachara Perbarisan bersempena ulang tahun penubohan pasokan itu bagi yang ke-17 tahun.

Upachara yang berlangsong di-Padang Besar di-sini pada hari Sabtu lalu itu telah di-saksikan oleh beribu2 orang yang membanjiri di-sekitar padang tersebut sementara beribu2 orang lagi menyaksikan upachara tersebut melalui talivishen yang di-pancharkan sa-chara langsong.

Perbarisan yang di-sertai oleh kira2 500 orang anggota dari kedua2 battalion itu telah di-perentah oleh Pegawai Pemerentah Battalion Pertama, Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud dan telah bermula pada jam 7.30 pagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-upachara tersebut kira2 jam 8.00 pagi dan keberangkatan Baginda telah di-sambut oleh Pemerentah AMDB, Kolonel Dato Norman Roberts.

Sa-lepas membalas tabek kehormatan dari atas pentas Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah di-junjong oleh Pemerentah Perbarisan, Y.B. Pehin Dato Lt. Kol. Mohammad untok memereksa perbarisan.

Ini di-ikuti dengan bachaan Do'a Selamat yang di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz bagi merestui Panji2 tersebut. Sa-telah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia pun mengorniakan kedua2 Panji2 Diraja dan Pasokan itu kapada empat orang pegawai bagi mewakili kedua2 battalion tersebut.

Lt. Sharbini bin Batang dan Lt. Muda Aisa bin Subohi masing2 menerima Panji2 Diraja dan Pasokan bagi Battalion Pertama sementara Lt. Haliddin bin Haji Ahmad Yunus dan Lt. Abdul Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir menerima Panji2 Diraja dan Pasokan bagi Battalion Kedua.

Pasokan Askar Melayu juga telah mempunyai Panji2 yang sa-rupa tetapi berlainan bentok. Panji2 Kebawah DYMM telah di-korniakan oleh Baginda pada 31hb Mei 1971, manakala Panji2 Pasokan di-korniakan oleh DYTM Paduka Seri Begawan Sultan pada 31hb Mei 1966.

Perbarisan pada hari itu di-akhiri dengan berjalan lalu di-hadapan pentas Diraja oleh peserta2 perbarisan dengan di-dahului oleh pasokan penchara-gam AMDB.

Hadhir di-upachara pada pagi itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J. A. Davidson, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Cheteria2, Pehin2, Pegawai2 Kanan Kerajaan serta pegawai2 kanan dari pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.



YANG Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah binte Abdullah sedang menyampaikan 'belantan' kapada Rekrut 1495 Dayang Fatimah binte Abang Morshidi yang telah di-pileh sa-bagai rekrut wanita terbaik dalam semua jurusan sa-masa menjalani latehan. Perbarisan tamat latehan bagi 60 orang rekrut pulis termasok 31 orang wanita telah di-adakan di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara pada hari Khamis lalu.— Berita lanjut di-muka 2.

## Kibarkan bendera

PENDUDOK2 di-negeri ini ada-lah di-kehendaki mengibarkan bendera Negeri Brunei atau Union Jack sa-lama tiga hari mulai hari Jumaat 2hb Jun, sempena Hari Keputeraan DYMM Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II.

Pengiran2 hendak-lah mengibarkan bendera peribadi masing2 manakala orang2 bergelar mengibarkan bendera mereka masing2.

## *Penjual2 peti2 TV yg. tidak jujor akan di-ambil tindakan*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tindakan yang wajar akan di-kenakan kapada pengedar2 peti2 TV di-negeri ini yang chuba mengambil kesempatan untok menanggok untong yang lebeh dengan chara yang kotor dan tidak jujor.

Amaran ini telah di-keluarkan oleh Pengawal Harga dan di-edarkan kapada sharikat2 perniagaan yang menjual peti2 TV berikutan dengan aduan2 orang ramai yang tidak puas hati dan bimbang akan kejujoran penjual2 peti2 TV itu.

Pengawal Harga hari ini menyatakan bahawa aduan2 telah di-terima yang menyatakan terdapatnya penjual2 peti2 TV yang mengenakan bayaran yang terlalu mahal untok kerja2 membaiki, perkhidmatan dan penggantian alat2 ganti.

Orang ramai juga mengadu bahawa sa-bahagian kerja2 yang telah di-jalankan tidak di-lakukan dengan memuaskan dan kerosakan2 asal nampak-nya selalu berulang lagi sa-telah satu tempoh masa yang pendek.

Tuntutan2 'bayaran untok membaiki peti2 TV itu juga telah di-tunjokkan kapada Pengawal Harga dan mendapati yang penyenaraian alat2 ganti dan bayaran perkhidmatan ada-lah jauh dari memuaskan.

"Tuntutan2 bayaran itu hanya menunjokkan jumlah besar bagi bayaran perkhidmatan dan alat ganti, tetapi tidak menyenaraikan harga bagi sa-tiap jenis alat ganti dan bayaran perkhidmatan itu", tegas beliau.

Ini, kata Pengawal Harga, hanya-lah sa-bahagian dari chontoh2 perkara yang tidak berpatutan yang telah di-lakukan oleh banyak pengimpot2/pembahagi2 tunggal dan mekanik pembaiki peti2 TV

Lihat muka 16

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

31HB MEI, 1978

# MASHUARAT PENGHULU2, KETUA2 KAMPONG

SA-TIAP bulan, samada pertengahan atau akhir bulan, Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang telah mengadakan mashuarat bulanan-nya, yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah atau Pemangku-nya di-daerah masing2. Dalam mashuarat tersebut banyak perkara2 telah ditimbulkan untok kebajikan dan faedah raayat dan pendudok di-kampong atau mukim masing2.

Dalam mashuarat tersebut, Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang bukan hanya satakat dapat mengemukakan chadangan atau usol untok kebaikan anak2 kampong, malah mereka juga diberikan serba sedikit penerangan dari pegawai2 Kerajaan yang berkenaan terutama dari Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan, mengenai dengan perkembangan baharu dan ranchangan2 Kerajaan untok di-sampaikan kapada anak buah dikampong dan di-mukim masing2.

Dalam mashuarat bulanan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong, Daerah Brunei dan Muara, Khamis lepas, Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri menyarankan berhubong dengan penggunaan serta pengedaran surat akhbar rasmi Kerajaan (Pelita Brunei) yang sa-hingga hari ini pengedaran-nya hampir 30,000 naskhah itu supaya dapat di-tatap oleh anak2 kampong dengan seberapa segera pada tiap2 kali keluaran-nya di-samping akan dapat menyimpan-nya dengan selamat untok di-jadikan bahan2 rujokan terutama kapada Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang itu sendiri. Dalam mashuarat tersebut, Ketua Pegawai Penerangan itu juga menjemput Penghulu2, Ketua2 Kampong itu supaya akan dapat membawa anak2 buah mereka itu melawat ka-Bilek Taklimat, Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan untok mengetahui lebeh dekat lagi perkembangan dan kemajuan2 atau ranchangan2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah, sedang dan yang akan di-laksanakan menurut keutamaan masing2 melalui jabatan2 yang berkenaan.

Melalui mashuarat bulanan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang ini ada banyak perkara yang berkebajikan dapat di-lakukan untok kebaikan Kerajaan dan juga faedah anak2 kampong, asalkan ia-nya benar2 melalui saloran2 yang sehat demi kepentingan seluroh-nya dan bukan di-sebalek-nya. Dan begitu juga pendudok2 di-kampong atau di-mukim masing2 boleh-lah mengemukakan chadangan atau ranchangan mereka untok di-kemukakan ka-mashuarat tersebut melalui Penghulu2 dan Ketua2 Kampong masing2 dan ini lebeh praktikal daripada ia-nya di-suarakan di-ujong2 jungkar, di-kedai2 kopi atau di-tepi2 jalan!

Satu perkara yang kita harus sama2 ingati ia-lah 'ranchangan demi ranchangan' tidak akan dapat kita nekmati, sa-lagi tidak ada persafahaman, kerjasama yang ikhlas kerana Allah yang patut kita sematkan di-sanubari sa-tiap raayat baik yang di-bandar, luar bandar dan pendudok2 di-pendalaman, terutama pada mengekalkan keamanan, keharmonian serta keselamatan yang telah ujud sekarang ini. Atau dengan lain perkataan, raayat dan pendudok bukan hanya tahu menerima akan tetapi pandai menggunakan nekmat menerusi tahap2 yang di-ranchangkan oleh Kerajaan itu.

# Tiga orang berkursus di-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN.—Tiga orang kerani dari Perkhidmatan Pos telah berlepas ka-Singapura pada hari Jumaat lalu untok mengikuti kursus ulang-kaji asas perkhidmatan pos di-Pejabat Pos Singapura.

Mereka ia-lah Awang Abdullah bin Damit, Awg. Asri bin Kassim dan Awg Sirun bin Sikut. Kursus tersebut berjalan sa-lama sa-bulan. Sa-belum pulang ka-tanah ayer mereka akan di-tempatkan di-Pejabat2 Pos di-repubalik itu sa-lama 10 hari.

# DARI BILEK TAKLIMAT Siri ke-17

BEBERAPA keluaran yang lalu dari Bilek Taklimat ini kita telah sama2 mengikuti liputan dari Jabatan Pelajaran ia-itu Pelajaran Dewasa, Sekolah2 Rendah Aliran Melayu, Sekolah2 Persediaan Inggeris Kerajaan. Maka dalam siri ini kita akan meninjau Sekolah2 Menengah dan Maktab2. Sa-belum kita mengetahui angka2 keramaian-nya kita berkenalan dulu nama2 sekolah menengah dan maktab2 serta nama2 pengetua-nya.

| | Nama Sekolah dan Maktab | Pengetua |
|---|---|---|
| 1. | MMPSBS | Dy Azizah bte PDPH Abdullah |
| 2. | Maktab SOAS (S) | Awang M. B. Stewart |
| 3. | Maktab SOAS (J) | Pg Haji Md. Zain bin Pg Haji Lampoh |
| 4. | Sekolah Inggeris Berakas | Awg. Md Adanan bin Buntar |
| 5. | STPRI | Dy Norsiah bte Haji Md. Daud |
| 6. | SMM SMJA | Awg Hisham bin Haji Md Sum |
| 7. | SMM Bendahara Sakam | Awg Adam bin Haji Tarif |
| 8. | SMM Muda Hashim | Awg Ismi bin Ahmid (Pemangku) |
| 9. | SISB, Tutong | Awang C. S. Gallop |
| 10. | AAC, Seria | Awang Suyoi bin Osman |
| 11. | SIPW, Kuala Belait | Awang O. S. Roberts |
| 12. | SMM Sultan Hassan | Awang Moksin bin Haji Abdul Kadir |
| 13. | Pusat Tingkatan Enam | Awg Dennis bin Haji Rosli Teo |
| 14. | SMM Muhammad Alam | Awg Harun bin DSL Haji Samad |
| 15. | SMM Ahmad Tajuddin | Awg Ahmad Shah bin Haji Ahmad |
| 16. | Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah | Dy. Misli bte Haji Awang (Pemangku) |

JADUAL I
PENDAFTARAN MURID2 MENGIKUT TINGKATAN 1977

Sekolah2 Aliran Melayu Kerajaan

| Perengkat | Laki | Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| **Rendah :** | | | |
| Darjah I ... ... | 1,719 | 1,648 | 3,367 |
| Darjah II ... ... | 1,594 | 1,540 | 3,134 |
| Darjah III ... ... | 1,641 | 1,551 | 3,192 |
| Darjah IV ... ... | 1,821 | 1,647 | 3,468 |
| Darjah V ... ... | 835 | 677 | 1,510 |
| Darjah VI ... ... | 950 | 566 | 1,516 |
| Jumlah ... ... | 8,558 | 7,629 | 16,187 |
| **Menengah :** | | | |
| Tingkatan I ... ... | 280 | 146 | 426 |
| Tingkatan II ... ... | 215 | 112 | 327 |
| Tingkatan III ... ... | 189 | 165 | 354 |
| Tingkatan VI ... ... | 95 | 62 | 157 |
| Tingkatan V ... ... | 170 | 109 | 279 |
| Jumlah ... ... | 949 | 594 | 1,543 |
| Jumlah Besar ... | 9,507 | 8,223 | 17,730 |

JADUAL II
PENDAFTARAN MURID2 MENGIKUT TINGKATAN 1977
ENROLMENT PUPILS BY LEVEL 1977

Sekolah2 Aliran Melayu/Inggeris Kerajaan

| Perengkat | Laki | Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| **Menengah (Termasok PTE) :** | | | |
| Tingkatan I ... ... | 292 | 212 | 504 |
| Tingkatan II ... ... | 424 | 235 | 659 |
| Tingkatan III ... ... | 318 | 358 | 676 |
| Tingkatan IV ... ... | 82 | 71 | 153 |
| Tingkatan V ... ... | 87 | 116 | 203 |
| Tingkatan VI Bawah | 122 | 102 | 224 |
| Tingkatan VI Atas | 271 | 157 | 428 |
| Jumlah ... | 1,596 | 1,251 | 2,847 |

# JALANKAN TUGAS DAN KEWAJIPAN KPD. MASHARAKAT

JALAN MUARA. — Para rekrut yang baru saja menamatkan latehan mereka di-Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei di-sini ada-lah di-harapkan akan mempraktikkan segala apa yang telah mereka pelajari dipusat tersebut dalam menjalankan tugas2 dan kewajipan mereka kapada masharakat.

Beruchap semasa menerima dan memereksa tabek kehormatan dan perbarisan dari 60 orang anggota rekrut Pulis Diraja Brunei pada hari Khamis yang baru lalu, Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah menyatakan keyakinan-nya bahawa dengan ketabahan dan semangat yang sedia ada pada mereka segala tugas akan dapat di-laksanakan dengan penoh didekasi dan sempurna.

Sa-bagai anggota Pasokan Pulis Diraja Brunei, jelas Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja itu lagi ada-lah di-perchayai mereka akan sama2 berusaha pada menjaga nama baik pasokan mereka dan diharapkan mereka akan berjaya menjalankan tugas masing2.

Perbarisan tamat latehan yang menandakan tamat-nya kursus bagi tugas2 sa-orang anggota Pulis Diraja Brunei pagi itu menambahkan lagi jumlah anggota Pulis yang terlateh di-negeri ini kapada 60 orang ia-itu bagi rekrut pengambilan kedua tahun 1977 sa-ramai 31 orang Pulis Wanita dan 29 orang pengambilan kelima tahun 1977 Pulis Lelaki.

Selain daripada menjalani latehan2 lengkap dalam jurusan Undang2 dan Tugas2 'Am Pulis, rekrut2 tersebut telah juga mempelajari pelajaran tambahan saperti pertolongan chemas, bernang, menyelamat jiwa serta latehan judo.

Dalam latehan2 tambahan itu sa-ramai 26 orang rekrut lelaki dan 19 orang rekrut wanita telah lulus dalam ujian menyelamat jiwa dan telah di-hadiahkan Sijil Perantaraan dan Pingat Gangsa. Sementara dalam latehan judo pula sa-ramai 21 orang rekrut lelaki dan 25 orang rekrut wanita telah lulus dengan mendapat tali pinggang2 kuning dan jingga dan yang lain-nya sa-ramai delapan orang rekrut lelaki dan 16 orang rekrut wanita pula telah di-berikan tali pinggang kuning. Di-samping itu mereka juga telah di-berikan sijil dari Persatuan Palang Merah Brunei.

Sa-ramai enam orang rekrut, tiga lelaki dan tiga wanita telah terpileh sa-bagai rekrut terbaik semasa menjalani latehan mereka sejak bulan Nobember, 1977, mereka itu telah juga menerima hadiah2 dan sijil2 kepujian mereka dari Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja.

Mereka yang terpileh sa-bagai rekrut terbaik di-dalam latehan itu ia-lah terbaik dalam semua jurusan: rekrut 1520, Mudah bin Kanuai dan rekrut 1495, Fatimah bte Abang Morshidi.

Terbaik dalam Undang2 dan Pekerjaan Pulis: rekrut 1528, Lim Meng Piaw dan rekrut 1320, Zariah bte Lamit sementara terbaik dalam Kawad/Kawad Rusohan dan Latehan Jasmani: rekrut 1540, Awang Ali bin Haris dan rekrut 1501, Asmah bte Mohd. Salleh.

Turut hadhir dalam upachara tamat latehan pagi itu termasok-lah Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pg Jaya bin Pg Haji Rajid, pegawai2 kanan Pulis Diraja Brunei serta ibu-bapa dan keluarga rekrut2.

# Harga barang2 keperluan

**SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini ber-**mula bagi minggu 24hb Mei, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — 3 kati — $3.70 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
   b) Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
2. UDANG KERING — $5.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
3. KULAT KERING BERKECHAI — $2.30 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Nam Fung, No. 114, Bangunan Guru2 Melayu.

**KUALA BELAIT**

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — 3 kati — $3.70 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Chiong Kee, No. 1-A, Jalan Pretty.
   b) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   c) Guan Heng, No. 30-C, Jalan Sungai.
   d) Sia Heng Hong, No. 31-B, Jalan Sungai.
   e) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   f) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. UDANG KERING — $5.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
3. KULAT KERING BERKECHAI — $2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — 3 kati — $3.70 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Yick Heo, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Siong Huat, No. 36, Jalan Sultan Omar Ali.
   d) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
2. UDANG KERING — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
3. KULAT KERING BERKECHAI — $2.20 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

# MASHUARAT BULANAN PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG DAERAH BRUNEI DAN MUARA



KELIHATAN Awang Tengah bin Othman, Ketua Kampong Tamoi Tengah, sedang menerima tauliah lantekan sa-bagai Ketua Kampong Tamoi Tengah sa-belum mashuarat di-mulakan.



KELIHATAN Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei dan Muara menadah tangan, memohon keredhaan Allah agar mashuarat yang mereka adakan itu di-berkati-Nya (gambar atas).

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu2 dan Ketua2 Kampong, Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan mashuarat bulanan-nya di-Dewan Bangunan Peringatan Churchill di-sini Khamis lepas. Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Abdul Hamid bin Ismail.

Mashuarat di-mulakan dengan bachaan do'a selamat oleh Yang di-Muliakan Pehin Udana Khatib Haji Junit bin Jamaluddin, Ketua Kampong Saba Ujong.

Turut hadhir dalam mashuarat itu ia-lah Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri, yang menerangkan kegiatan Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan serta mengharapkan supaya Penghulu2 dan Ketua2 Kampong akan dapat membawa anak2 buah mereka untok melawat Bilek Taklimat dan mendengar beberapa penerangan berhubong dengan perkembangan dan kemajuan negara kita Brunei.

Mengenai dengan pembahagian Pelita Brunei, Yang Dimuliakan itu berharap kerjasama dari Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya ia-nya akan dapat di-sampaikan atau di-bahagi2kan kapada anak2 kampong dengan seberapa segera yang boleh.

"Kalau dapat Pelita Brunei itu biarkan-lah di-buatkan pail-nya dari semasa ka-semasa untok di-buatkan bahan rujokan, terutama bagi Penghulu2 dan Ketua2 Kampong," tegas-nya.

Satu derma kilat telah di-lancharkan di-antara Penghulu2 dan Ketua2 Kampong untok menolong mangsa kebakaran Awang Damit bin Menudin, Ketua Kampong Sungai Matan.

Beberapa perkara untok kebajikan pendudok2 di-kampong2 telah di-cadangkan; antara-nya talipon.

Ada-lah di-fahamkan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei dan Muara akan mempersembahkan Pintu Gerbang dan Majlis Keshukoran, sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei kali ke-32 tahun.



Menyampaikan derma kilat untok menolong mangsa kebakaran yang baru lalu, Awang Damit bin Menudin, Ketua Kampong Sungai Matan.




**Mustahak dalam kaedah mulut ka-mulut.**

1. beri-lah nafas lima kali hembusan berturut2.
2. perhatikan selalu dada pesakit dan juga teknik pernafasan.
3. jangan menghembuskan nafas terlalu kuat, ini akan merusakkan jantong dan boleh jadi menjadikan pesakit muntah.
4. bila pesakit muntah, segera bersehkan mulut pesakit dan beri pernafasan dengan 5 kali hembusan pertama berturut2.
5. beri-lah pernafasan sa-hingga doktor menyuroh berhenti memberi pernafasan kerana pesakit puleh dalam keadaan bernafas.
6. teruskan memberi pernafasan waktu pesakit di-angkat ka-atas stretcher atau ka-ambulance.

**Kaedah mulut ka-mulut kapada kanak2**

Teknik permulaan sama saperti menulong orang dewasa, hanya tutopi-lah mulut dan hidong kanak2 itu dengan mulut kamu. Dan ingat-lah hembusan nafas chukop untok memberi nafas kapada budak itu sa-chara perlahan. Hembuskan nafas kurang lebeh 20 kali dalam sa-minit dan lebeh kurang 40 kali sa-minit kapada kanak2 kechil.

**Kaedah mulut ka-hidong**

Chara ini ia-lah di-sebabkan mulut pesakit itu chedera dan tak boleh menghembuskan nafas melalui-nya, oleh itu hendak-lah gunakan hidong bagi menyalorkan nafas ka-jantong pesakit itu.

Chara-nya ia-lah gunakan tangan kamu menutop mulut pesakit betul2 dan letakkan mulut kamu ka-hidong pesakit sa-penoh-nya dan hembuskan-lah nafas ka-dalam. Teknik-nya sama saperti mulut ka-mulut.

**Kaedah Holger Nielsen**

Kaedah ini di-reka oleh sa-orang pegawai tentera bernama Danish dalam tahun 1932 bagi memulehkan nafas sa-seorang yang terchedera muka, mulut dan rahang di-sebabkan patah atau retak.

Tiarapkan pesakit dan keluarkan rumput2 laut dan gigi palsu dari mulut pesakit dan longgarkan pakaian di-leher, dada dan pinggang. Sa-telah pesakit tiarap, palingkan muka-nya ka-kiri atau ka-kanan. Bengkokan lengan-nya dan dahi-nya letakkan di-atas tangan. Jaga mulut dan hidong pesakit tidak tersumbat. Dan ikuti-lah rajah ini;

(rajah 1 - 2 - 3 - 4)

5. Lepas itu kira 'enam' dalam sa-saat. Letakkan kembali lengan-nya dan tangan kamu balek pada tempat permulaan.
6. ulang perbuatan ini dengan menghayunkan badan kamu, kira2 10 kali sa-minit hingga pernafasan puleh sa-mula atau di-serahkan kapada pegawai perubatan.

Ulang saperti ini;

1,2 : tangan di-tulang bahu, hayun ka-depan dan tekan (2 saat)
3 : gelungsorkan tangan ka-bahu (1 saat)
4,5 : hayun ka-belakang angkat lengan dan bahu (2 saat)
6 : letakkan tangan kamu pada tulang bahu (1 saat).

7. jangan biarkan pesakit itu bangun bila ia sedar dan jaga-lah ia dari terkejut.
8. bawa ka-hospital denga segera.




## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 5hb. hingga 10hb. Jun, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 5.6.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 | petang |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 5.6.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 | „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 6.6.1978 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 6.6.1978 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 7.6.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 | „ |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 7.6.1978 | Rabu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Melayu Masin | 7.6.1978 | Rabu | 11.30–12.00 | T/hari |
| Sekolah Melayu Birau | 10.6.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 10.6.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 10.6.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |



# Sir Ivo and Lady Rigby return to U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — The President of the Brunei Court of Appeal, Dato Sir Ivo Rigby and his wife Datin Lady Rigby left the State last Friday on their way back to the United Kingdom via Hong Kong.

Leaving on the same flight were one of the two Hong Kong judges, Mr Simon Li Fook Sean and his wife.

The other Hong Kong judge, Mr Justice Benjamin Liu Tze-Ming remains in Brunei to deal with high court cases.

Sir Ivo and Lady Rigby and the two Hong Kong judges and their wives arrived in Brunei ten days ago. Sir Ivo was in the State to hear appeal cases and was assisted by the two judges.

Sir Ivo and Lady Rigby are seen in the RTB picture (above) at the Istana Darul Hana during a swearing-in ceremony for Mr Justice Benjamin and Mr Justice Simon.

Also in the picture are, nearest the camera, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah and the General Adviser, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

# Nearly 46,000 immunised so far

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than forty-five thousand and eight hundred people in the State have been inoculated against cholera since the current cholera immunisation campaign was launched seven weeks ago.

Of the number, forty thousand eight hundred and fifty-nine are schoolchildren.

A Medical and Health Department spokesman who gave these figures said all the schoolchildren in the country have now been fully immunised against cholera.

The spokesman said it had always been the practice to immunise the schoolchildren first before concentrating on the adult population.

This year's campaign was started in schools in the Temburong District on April 10.

He said so far over five thousand villagers in the four districts have been immunised against the disease.

The department has assigned thirteen teams consisting of twenty-six men to carry out the campaign.

They have to travel by land-rover, motor boat and helicopter in order to get to every part of the State.

In this way every person will be immunised against the disease no matter how remote his or her home is in the country.

The campaign is expected to end some time in June by which time everyone in Brunei will have been protected against cholera.

# 200 apply to enter religious college

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Religious Affairs Department last month interviewed two hundred applicants including girls who wished to attend a three-year teaching course at the Seri Begawan Religious Teachers College at Mile 1½ Jalan Tutong here.

The course scheduled to begin in July is divided into two namely 'A' and 'B'.

Course 'A' is for applicants who have four subjects at Ordinary Level or equivalent including the Malay Language, and have passed the Religious Certificate of Education.

Course 'B' is for those who have passed the Brunei Junior Certificate of Education or equivalent including a pass in the Malay Language and are in possession of the Religious Certificate of Education.

In addition they must have knowledge of Koran reading, prayers and Jawi writing.

Since the college opened in 1972, a total of two hundred and twenty-six teacher trainees have successfully passed the course and received their certificates making them fully trained teachers.

At the moment two hundred and five others are undergoing the same course at the college.

Of these, ninety are in their third-year, sixty-one in their second-year while the rest are in their first-year.

They are being instructed by seventeen lecturers of whom six are teaching general subjects and the other eleven, religious subjects.

Other courses including Koran reading and refresher are also conducted at the college.

# Passing out parade

JALAN MUARA. — Sixty police recruits, including thirty-one women, passed out at a parade held at the Police Training Centre here last Thursday at the end of their six-month training.

The parade was reviewed by the wife of the General Adviser, Yang Dimuliakan Datin Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Dayang Rosnah binte Abdullah who also presented prizes and certificates to the best recruits.

The best all round recruits were Awang Mudah bin Kanuai and Dayang Fatimah binte Abang Morshidi who each received a baton and a certificate.

The best recruits in law and general police duties were Awang Lim Meng Piew and Dayang Zariah binte Lamit who were awarded certificates.

Certificates were also presented to the best recruits in drill, riot drill and gymnastics, Awang Ali bin Harris and Dayang Asmah binte Mohammad Salleh.

Among those present at the parade were the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, other senior police officers, relatives and friends of the recruits.

# COLOURS ADD COLOUR TO COLOURFUL PARADE

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah last Saturday presented new colours to both battalions of the Royal Brunei Malay Regiment during a parade on the Town Padang here to mark the seventeenth anniversary of the regiment.

The presentation of His Highness the Sultan Colours and the Regimental Colours added colour to the already colourful parade which was watched by thousands of people on the spot while thousands more throughout the State saw it live on their television sets at home.

The parade commanded by Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lieutenant Colonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud, the Commanding Officer of the First Battalion, started at 7.30 a.m. with the arrival of invited guests.

His Highness arrived at the parade shortly after eight and on hand to greet him were the Commander of the Royal Brunei Malay Regiment, Colonel Dato Norman Roberts and other officers of the regiment.

After taking the royal salute, His Highness was invited by Pehin Dato Lt Colonel Mohammad to inspect the honour guard accorded by some two hundred officers and men of both battalions.

Following his inspection of the honour guard, His Highness then presented the colours, which were earlier consecrated, to the four officers from the two battalions.

Lieutenant Sarbini bin Batang and Lieutenant Mohammad Aisa bin Subohi received the Sultan Colour and Regimental Colour respectively for the First Battalion while Lieutenant Hatiddin bin Haji Ahmad Yunos and Lieutenant Abdul Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir received the colours for the Tutong-based Second Battalion.

The regiment had already similar colours but slightly different in design, which were presented to it several years ago. The parade ended with a march past the royal platform by the participants led by the regimental band.

Among those present at the parade were His Excellency the British High Commissioner, Mr James Davidson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khiri Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, the General Adviser, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Wazir, the hon'ble State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz, Cheterias, community leaders and senior government officials.

In the evening dinners were held at the Berakas Camp and Tutong Camp for members of the respective battalions.

The celebration will be continued on June 11 with an open day at the Berakas Camp from 8.00 a.m. to 6.00 p.m.

## Arts and crafts Exhibition

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Controller of Immigration and Registrar of Nationals Awang Haji Mohammad Ali bin Haji Daud last Sunday officially declared open the 13th arts and crafts exhibition for schools in Brunei Division Three.

Nineteen schools took part in the exhibition which was held at the Orang Kaya Besar Imas Malay School, Subok, off Jalan Kota Batu.

Overall winners were: Junjongan Malay School was first, Batu Marang Malay School second and Pulau Baru-Baru Malay School third.

Other results were: Group 'A' for pupils aged 6 to 7 years was won by Sultan Abdul Mubin Malay School while Groups 'B' and 'C' for pupils aged 8 to 9 years and 10 to 12 years were won by Junjongan Malay School.

Prizes were presented to the winners by the Penghulu of Mukim Kota Batu, Datu Harimau Alam Awg Besar bin Munaf.

The winners will represent Brunei Three in the forthcoming State level exhibition.



Awang Haji Mohammad Ali (wearing dark suit) being shown around the exhibition. Standing behind him is Director of Education, Awang Ahmad bin Haji Jumat while on his left is the Deputy Director of Education, Awang Abdul Razak bin Haji Mohammad.

## Kor'an Reading competitions

BANDAR SERI BEGAWAN. — The annual Kor'an reading competitions for adults in the Temburong, Belait, Tutong and Brunei Muara districts will be held next month.

The competition for men and women in the Temburong District will take place at the Dewan Ria, Pekan Bangar, this Saturday June 3 starting at 7.30 p.m.

For those in the Belait District, the competition will be held at the Pekan Belait Religious School on June 8 commencing at 8.00 p.m.

The competition will be held for those in the Tutong District at the new religious school, Bukit Bendera, on June 11 beginning at 7.30 p.m.

In the Brunei Muara District, it is scheduled to take place at the Bunut Bendahara Sakam Secondary Malay School on June 15 at 7.30 p.m.

The winners in each district will compete in the State finals to be held in July this year.

# KEMULIAAN SESUATU BANGSA PERLU DI-LENGKAPKAN DENGAN SIFAT2 JUJOR DAN AMANAH




**MANAKALA satu2 umat itu di-kehendaki oleh Allah untok berubah nasib dan keadaan-nya, maka biasa-nya umat tersebut akan mendapat pemimpin atau pemimpin2 yang bijak, jujor dan berkaliber. Maka dalam masa yang pantas umat itu akan berubah menjadi bangsa yang mulia, bahagia dan makmor serta di-hormati oleh kawan dan lawan. Perubahan2 tersebut selain banyak bergantong kapada pelajaran dan perpaduan, juga yang utama hendak-lah di-lengkapkan dengan sifat2 jujor dan amanah, adil, ta'at beribadat, kaseh sayang dan takut kapada dosa.**

Rasulullah s.a.w. ada menyebutkan tujoh jenis manusia yang di-jamin akan mendapat perlindongan Allah pada hari kiamat. Hal ini perlu kita perhatikan, sebab ketujoh2 sifat yang akan di-sebutkan itu, besar pengaroh-nya kapada pembangunan peribadi dan bahkan bangsa serta negara. Bukan sahaja ia harus ada di-kalangan pemimpin tetapi juga juga mesti ada di-kalangan yang di-pimpin. Kita mesti-lah berchita2 dan berusaha benar2 supaya menjadi orang2 baik, baik dari segi pandangan Allah dan Rasul-Nya, kerana dengan itu keuntongan-nya akan diterima di-dunia dan juga di-akhirat. Ini-lah metalamat hidup sa-orang muslim.

Kita ambil maksud hadith, ia-itu tujoh jenis manusia yang akan di-beri perlindongan itu ia-lah :

**Pertama:** Imam yang adil. Maksud-nya penguasa atau pemerintah yang adil, yang jujor, yang tidak suka melanggar larangan2 Allah, yang bekerja untok kebahagiaan raayat-nya serta bertanggong-jawab atas kebaikan mereka di-dunia dan di-akhirat.

**Kedua:** Pemuda yang bersunggoh2 berbakti kapada Allah. Yakni di-samping ia-nya berusaha menuntut ilmu dan bersunggoh2 mengemaskan diri-nya untok menjadi orang yang baik dan berguna, di-samping itu juga ia tidak melalaikan ibadat-nya kapada Allah.

**Ketiga :** Laki2 yang hati-nya selalu tersangkut di-masjid. Yakni sangat2 mengagongkan shi'ar ugama Allah, sebab masjid ia-lah lambang kerajaan dan negeri Islam, kerana itu ia selalu menghormati-nya, menjaga dan memakmorkan-nya dengan berbuat ibadat dan lain2.

**Ke-empat :** Dua orang laki2 yang berkaseh sayang kerana Allah. Yakni mereka bertemu kerana Allah, dan berpisah pun kerana Allah, senantiasa bantu membantu antara satu sama lain bagi melaksanakan perintah2 Allah, kerana menegakkan Ugama Allah.

**Kelima :** Laki2 yang menolak ajakan perempuan chantek untok melakukan sesuatu yang di-larang oleh shara' dengan berkata : "Aku tidak mahu melakukan ini, kerana aku takut akan Allah."

**Ke-enam :** Laki2 yang suka bersedekah dengan ikhlas, yang tidak bermegah2, sa-hingga tangan kiri-nya tidak tahu apa yang di-lakukan oleh tangan kanan-nya.

**Ketujoh :** Laki2 yang senantiasa ingatkan Allah. Apabila berada di-tempat2 yang sunyi ia selalu menitiskan ayer mata kerana ingat dan takutkan Allah.

Demikian-lah wahai kaum muslimin! Kita sebutkan ketujoh2 dari maksud hadith yang amat baik dan munasabah kita jadikan chontoh dan amalan, istemewa dalam masa umat Islam sedang di-kepong oleh berbagai2 fitnah dan pencharoba ini.

# ISLAM ANTI PENGANGGORAN

PETIKAN uchapan YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg Hj Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei di-upachara penutop Kursus Bimbingan Sembahyang Mayat, Kampong Kiulap pada akhir bulan April, 1978.

SAYA ada-lah sangat sukachita di-atas kejayaan awang2 dan dayang2 pada menjayakan kursus yang berkebajikan ini dan berharap supaya segala ilmu dan kepandaian yang awang2 dan dayang2 perolehi dari kursus ini tidak hanya tinggal menjadi ilmu yang terpendam dengan tidak di-amalkan dan dengan tidak di-sebarkan di-kalangan saudara2 mara dan masharakat Islam yang memerlukan-nya.

Kerana ilmu ugama yang di-ketahui dan tidak di-amalkan itu tiada-lah banyak faedah-nya. Biarpun sedikit ilmu kita, tetapi kalau kita amalkan ia-nya akan mendatangkan faedah dan pahala kapada kita. Kerana itu jika ada saudara2 orang2 Islam kita yang kembali kerahmatullah khas-nya di-kampong awang2 dan dayang2 ini, jangan-lah melepaskan peluang pada mendirikan sembahyang jenazah khas-nya kapada orang2 lelaki yang sangat2 di-tuntut melakukan-nya.

Di-dalam ugama kita, kita ada-lah di-tuntut mendo'akan orang2 yang telah kembali kerahmatullah itu supaya roh-nya mendapat keringanan dari sebarang seksa di-alam akhirat itu. Sedangkan di-dalam sembahyang jenazah itu pada umom-nya ada-lah mengandongi do'a2 bagi faedah orang yang telah mati itu. Mudah2an dengan berkat sembahyang jenazah dan do'a dari kita yang maseh hidup akan ringan-lah bebanan saudara2 kita menempoh alam baru yang lebeh asing dari alam dunia ini.

Dalam uchapan ini saya suka-lah menyentoh tentang sikap sa-tengah2 masharakat kita suka memileh2 pekerjaan. Berhubong dengan hal ini Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abd. Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Hj Mohd. Taha, Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam, ketika membuka rasmi Kursus Sivik Bimbingan Tenaga bagi pemohon2 kerja di-Jabatan Buroh pada 24hb April, 1978 yang lalu, ada mengatakan antara lain bahawa sudah terdapat lebeh kurang 14,000 orang pekerja luar negeri terpaksa di-datangkan ka-negeri ini untok menyelenggarakan pekerjaan bagi pembangunan dan kemajuan negara.

Yang Berhormat itu telah juga berkeyakinan jika sikap memileh sebarang pekerjaan tidak ujud, perkataan penganggoran tidak akan menjadi masaalah dan besar kemungkinan ia-nya tidak akan timbul di-negeri ini. Dari kenyataan tersebut nyata-lah bahawa sikap memileh2 pekerjaan itu memang ujud di-kalangan sa-tengah2 masharakat kita.

Dari sudut pandangan ugama kita, perkara memileh2 pekerjaan itu ada-lah tidak bersesuaian dengan konsep Ugama Islam yang menyuroh dan menggalakkan umat-nya supaya bekerja dan menchari kehidupan dengan apa jua pun asalkan sa-chara halal dan bersesuaian dengan peratoran2 yang di-gariskan oleh Islam.

Dalam Al-Kor'an, Allah Ta'-ala ada berfirman yang bermaksud; *"Maka hendak-lah kamu bergerak menuju haluan masing2 di-atas muka bumi dan chari dan dapatkan rezki dari kornia kelebehan Allah"*.

Dalam ayat yang panjang sa-belum ayat ini yang menyebut supaya Umat Islam pergi menunaikan sembahyang Jumaat pada hari Jumaat, kemudian apabila selasai dari menunaikan fardhu Jumaat itu kita ada-lah di-suroh bergerak maju dan berusaha pada melakukan pekerjaan2 bagi menchari nafkah hidup masing2.

Ini bererti, di-samping menunaikan kewajipan kapada Allah, kita ada-lah di-tuntut menunaikan kewajipan bagi memenohi kehendak2 kehidupan kita ia-itu menchari rezki.

Islam tidak menggemari sikap umat-nya yang malas dan memileh2 kerja, apa lagi hanya berharap2kan pemberian orang lain selagi keadaan jasmani dan akal masing2 mampu untok membuat pekerjaan. Kerana itu di-dalam satu Hadith, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda saperti berikut:

Maksud-nya; *Sa-orang dari-pada kamu membawa tali lalu memikul kayu di-atas belakang-nya untok di-jual atau sa-bagai-nya bagi mendapatkan rezki ada-lah lebeh baik dari-pada dia mendatangi orang lain lalu meminta sesuatu dari-pada orang itu samada dia memberi atau tidak kapada-nya*".

Dari segi pandangan zahir, memikul kayu di-belakang lalu di-bawa untok di-jual kapada sa-seorang pelanggan itu tentu-lah bagi sa-tengah orang pekerjaan ini kurang sesuai lagi rendah usol-nya, tetapi bagi Islam, bagi Rasulullah s.a.w. dan bagi Allah Ta'ala pekerjaan yang demikian ada-lah lebeh baik dari meminta2, ia-nya ada-lah pekerjaan yang terhormat, kerana dengan chara sedemikian orang yang demikian dapat memperolehi rezki dari titek peloh tenaga-nya sendiri. Dalam Islam ada satu kaedah tentang bentok pekerjaan yang di-anggap baik itu ia-itu saperti sabda Rasulullah s.a.w.;

Maksud-nya; *"Sebaik2 pekerjaan ia-lah pekerjaan sa-seorang pekerja yang lutanan, jujor tidak menipu dan memenohkan kehendak2 sesuatu pekerjaan itu"*. Erti-nya apa sahaja pekerjaan yang di-lakukan sa-chara sempurna dan jujor, tidak membuyok, dan tidak chuai maka dalam Islam itu-lah sebaik2 pekerjaan. Bekerja dengan chara tidak jujor serta chuai ada-lah berlawanan dengan Islam dan pekerja yang sedikit itu ada-lah di-chap sa-bagai pekerja yang tidak baik.

Kalau umat Islam faham akan konsep dan dasar2 ugama ini dan mengamalkan ajaran2 Islam yang sebenar maka tidak timbul masaalah memileh2 pekerjaan. Islam anti kapada penganggoran kerana banyak bahaya yang timbul dari penganggoran. Di-antara-nya orang2 yang menganggor itu sudah tentu jadi beban bagi ibu-bapa dan masharakat umom dan negara.

Betapa tidak, kerana orang2 yang menganggor itu banyak masa-nya kosong, bila masa kosong banyak dan tidak di-tumpukan kapada sesuatu pekerjaan yang berkebajikan kadang2 boleh menyeliwing kapada perkara2 jahat dan berlawanan dengan norma2 masharakat dan ugama. Bahkan lebeh mudah di-rasok oleh anasir2 jahat dan liar.

Kenyataan dapat kita saksikan berapa banyak kes2 churi dan jenayah berlaku dalam masharakat kita sekarang. Bahkan sa-tengah2-nya sudah ada yang terlibat dengan pengedaran dan penyalah-gunaan dadah saperti yang dapat kita dengar dari siaran2 radio dan talivishen. Ini ada-lah merupakan perkara2 mungkar ia-itu kejahatan yang sa-tengah-nya berpuncha dari para penganggor.

Saya fikir jika sekira-nya anggota2 masharakat kita tidak memileh2 pekerjaan ada harapan kita dapat mengurangkan bilangan pekerja2 dari luar negeri bagi memenohi kehendak2 pembangunan negara kita. Dan kalau kita berkehendakkan negara kita beroleh kemajuan yang lebeh pesat, kita-lah yang sepatut-nya bertungkus lumus membangun negara kita dengan chara kita sendiri. Kerana masharakat Islam di-negeri ini perlu-lah menyedari akan ajaran2 Islam yang sebenar dalam apa jua aspek kehidupan kerana Islam itu ugama yang lengkap lagi sempurna.

Akhir-nya saya berseru khas-nya kapada belia2 Islam di-negeri ini supaya membuang sikap memileh2 pekerjaan dan hendak-lah mengikuti petunjok2 Islam yang menghendaki ummat-nya bekerja dalam apa jua lapangan pekerjaan yang tidak bertentangan dengan Islam bagi kita mendatangkan pendapatan yang halal. Mudah2-an dengan demikian negara kita dapat mengurangkan pengambilan pekerja2 dari luar negeri dan kita dapat membangun negara kita dengan tenaga kerja kita sendiri.



Kelihatan peserta2 perempuan dalam kursus sembahyang mayat Kampong Kiulap. Gambar JHEU.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 31hb Mei, 1978 hingga ka-hari Selasa 6hb Jun, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 31hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 1hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 2hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 3hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 4hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 5hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 6hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**




# MEMBALAS TABEK KEHORMATAN



GAMBAR kanan kelihatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah membalas tabek kehormatan dari atas pentas Diraja dalam upachara perbarisan sempena ulang tahun penubohan Askar Melayu Diraja Brunei yang ke-17 tahun yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada 27hb Mei lalu.

Kemunchak dari achara di-upachara itu ia-lah pengorniaan panja2 baru (gambar kiri) kapada kedua2 battalion pasokan tersebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bagi menggantikan panji2 yang lama yang telah di-korniakan oleh Baginda dalam bulan Mei 1971.



PERBARISAN pada hari itu telah disertai oleh kira2 500 orang anggota dari battalion pertama dan kedua (gambar kiri) dan telah di-perentah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Mohammad bin Haji Daud.

Upachara pada hari itu telah dihadhiri oleh Kerabat2 Diraja, pembesar2 negara, pegawai kanan Kerajaan dan pegawai2 kanan tentera serta keluarga dan sanak-saudara anggota pasokan tersebut, saperti kelihatan dalam gambar2 bawah.

Gambar kiri pula menunjokkan Panji2 Baru yang telah di-korniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-bawa oleh empat orang pegawai dari kedua2 battalion itu. (Dari kiri) Panji2 Diraja dan Pasokan bagi Battalion Pertama yang masing2 di-bawa oleh Lt Sharbini bin Batang dan Lt Muda Aisa bin Subohi manakala Panji2 Diraja dan Pasokan bagi Battalion Kedua masing2 di-bawa oleh Lt Haliddin bin Haji Ahmad Yunus dan Lt Abdul Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.









# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivshen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 31HB. MEI,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ENCYCLOPAEDIA BRITANNICA "Bionics: Superman or Supermachine"
6.28 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — "Volcano Lsland"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 HAWAII FIVE O — "Nightmare in Blue" McGarrett berjumpa dengan polis2 wanita, pegawai2 kanan dan saintis2 teknoloji bila mereka berlima berhadapan terpaksa berhadapan dengan kes2 rogol serta pembunohan2.
8.00 DOCTOR AT LARGE — "Mr. Moon" Dick menjemput Michael di-tempat dia bekerja sa-bagai pengawas untok bekerja bersama2-nya, tetapi kehidupan di-situ tidak sesuai untok Dr. Upton.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 WORLD CUP FILM: Poland
8.55 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.25 CELEBRITY CONCERT "Henry Mancini"
10.15 WORLD CUP FOOTBALL: Perlawanan akhir pusingan pertama.
11.55 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 1HB. JUN,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SPENCER'S PILOTS "The Hunted"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SPENCER'S PILOTS — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE OREGON TRAIL — "The Last Game"



**"THE Big Cats", episod pertama dalam siri baru ini, akan membawa para penonton ka-India, di-lembah pantai Amazon, sa-buah kebun binatang di-Poland dan di-Pergunongan Indaho.**

**Manusia selalu terpesona dengan kuching2 besar ini. Saksikan-lah lebeh lanjut lagi tentang harimau dan anak2-nya. Kelajuan harimau cheetah dan penghidupan berkeluarga singa2 dalam ranchangan ini pada hari Selasa jam 10.30 minit malam.**

Apabila Evan Thorpe pulang ka-kem sa-lepas dalam perjalanan yang merbahaya bersama Luther Sprague, Evan di-beri pekerjaan yang tetap sa-bagai ketua penjaga kenderaan.
7.47 AZAN ISHA'
7.51 THE OREGON TRAIL — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 WORLD CUP FILM: Jerman Barat
8.40 HIDAYAT
9.10 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.10 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 2HB. JUN,

**PETANG**

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Nenek"
5.30 HERE'S MUMFIE — "Mumfie Buys a Sea Chest"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.30 SKIPPY THE BUSH KANGAROO
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SKIPPY THE BUSH KANGAROO — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MUSIC FROM ARGENTINA
7.47 AZAN ISHA'
7.51 MUSIC FROM ARGENTINA —
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE WARTER MARGIN — Episode ke-enam Kao Chiu chepat2 menghantar orang2-nya yang hampir berjumpa dengan harta2-nya yang di-churi oleh perompak2. Lin Chung di-hantar untok menolong sa-orang terhormat Chao Kai, dia ada bersama2 dengan perompak2 itu dan akan di-tangkap.
9.50 WORLD CUP OPENING MATCH IN ARGENTINA Jerman Barat vs Poland
11.30 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 3HB. JUN,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Danger Point"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STARSKY AND HUTCH — "The Committee"
7.47 AZAN ISHA'
7.51 STARSKY AND HUTCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 QUEEN'S BIRTHDAY PARADE
9.30 ASIAN AMATEUR SINGING CONTEST — Pusingan terakhir di-Hong Kong.
11.30 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 4HB. JUN,

**PETANG**

5.10 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Small Animals"
5.30 THE MAGIC BALL — "The Pirates"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 NEW SCOOBY DOO — "The Chiller Diller Movie Thriller"
6.28 THE PARTRIDGE FAMILY "The Tale of Two Hamsters"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIX MILLION DOLLAR MAN — "Date With Danger" — Bahagian kedua.
7.47 AZAN ISHA'
7.51 SIX MILLION DOLLAR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 MARI GEMBIRA MALAM INI
9.15 ROOTS — Episode ketiga Kunta kini telah berumor 30 tahun dan pekerjaan-nya sa-bagai hamba abdi, tetapi dia maseh tidak berputus asa untok kembali bebas saperti dulunya. Tanaman ladang, John Reynolds tumboh dengan subor-nya pada tiap2 tahun dan dalam tahun 1776 ladang-nya mendatangkan hasil yang memuaskan.
10.15 THAT'S HOLLYWOOD
10.45 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 5HB. JUN,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE ROVER — "The Quack"
6.28 BIG BLUE MARBLE
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 BIG BLUE MARBLE — sambongan
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.47 AZAN ISHA'
7.51 CHARLIE'S ANGELS — sambongan

**MALAM**

8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 WORLD CUP FILM — Argentina
8.40 SERIKANDI
9.10 ARENA SOKAN — Bolasepak dan Volleyball (bola tampar).
10.10 VAN DER VALK — "Everybody does It"
11.00 WARSHIP — "Heat of Oak" Glenn terpaksa menghadapi bermacham2 masaalah; dan dia chuba membuat penyelesaian.
11.50 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 6HB. JUN,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 SESAME STREET — sambongan



**ROD Taylor berlakun sa-bagai Evan Thorpe dalam Siri Oregon Trail dalam kesah "The Last Game" yang akan dapat di-saksikan tayangan-nya pada hari Khamis jam 7.15 malam.**

**Dalam epsiod ini Evan Thorpe pulang ka-Khemah sa-lepas satu perjalanan yang penoh bahaya dengan Luther Sprage. Evan Thorpe di-beri kerja tetap sa-bagai ketua gerabak dan kerja-nya ia-lah untok menjalankan gerabak itu.**

**MALAM.**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAN FROM ATLANTIS — "The Killer Spores" — Bahagian kedua. Sa-telah baru puleh menyelamatkan dari sa-buah roket, Mark merasa badan-nya telah di-masokki sa-jenis benda yang kechil, yang mana menahan badan dan fikiran-nya.
7.48 AZAN ISHA'
7.52 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 WORLD CUP FILM — Hungary
8.40 SEKITAR TANAH AYER
9.10 BARETTA — "Pay Or Die" Apabila Tony Baretta chuba hendak menangkap sa-orang ketua penjahat yang terkenal, dia merasa takut kerana kemungkinan kumpolan2 penjahat2 yang lain akan memberontak dan membuat perkara yang tidak di-ingini.
10.00 KEBUN KITA
10.30 NATIONAL GEOGRAPHIC — "The Big Cats" Siri dokumentari yang terbaru.
11.20 SIARAN TAMAT.



**DUA orang juru ulas yang di-tugaskan bagi membuat ulasan selari bagi Istiadat Pengorniaan Panji2 kapada AMDB, yang telah berlangsong pada hari Sabtu 27hb Mei yang lalu.**

**Mereka itu di-tempatkan di-Studio 'A' RTB, membuat ulasan berpandukan Floor Monitor.**

**Dari kanan, Ag Halim bin Hashim, Kapten Sharbini bin Sunggoh dan Dayang Zaimah bte Ahmad Penolong Pengurus Pentas.**

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. T/HARI: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). T/HARI: 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, diikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. T/HARI: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, diikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; T/HARI: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



AWANG Abdullah bin Omar, Bahagian Failing, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan di-beri peluang untok memileh lagu2 kegemaran-nya dalam ruangan hiboran Apa Pilehan Awda yang di-siarkan melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 2hb Jun, 1978 jam 9.00 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement from Our Local Entertainer; 8.30 — Pepys In Love by Barry Carman; 9.15 — News; 9.30 — Music In Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali; 9.45 — Talking About Music; 10.15 — Light Music from Netherland; 10.30 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—From Our Local Entertainer (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00—The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Man In Our Changing World; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The Sixth Form Calling produced by Tajul Ahmad; NOON: 12.00 — Forum by Charan Chand; 12.30—News; 12.45—World of Education; 1.00 Close Down. 8.00—Opening Announcement — Does the team think; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Bob Kay produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00—The Sixth Form Calling (repeat) 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Best of Clitheroe; 9.15 — News; 9.30 — Thirty Minute Theatre: "Ring For Death" by Bernard Knight; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Paice Ashton Lord" Side 1; 8.30—It's All Yours produced by Veronica Shim; 9.00 — From Ticket, Tape, and Telephone; 9.15 — News; 9.30—Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Time; 10.30 — Close Down.



# Seni Lukis dan P'tukangan Tangan Brunei III



KEDUA2 gambar di-atas, Penghulu Mukim Kota Batu, Orang Kaya Harimau Alam Awang Besar bin Munap yang telah menyampaikan hadiah2 kapada sekolah2 yang berjaya kelihatan (kiri atas) hadiah oskar rebutan bagi johan di-berikan kapada Guru Besar SM. Junjongan dan (atas), Guru Besar SM. Batu Marang sedang menerima hadiah rebutan naib johan, sementara gambar bawah beberapa orang kanak2 sedang menyaksikan pameran tersebut.




SUBOK — Sa-banyak 19 buah sekolah Melayu di-daerah Brunei III telah menyertai peraduan Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan kali yang ketiga-belas yang bertempat di-Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok pada hari Ahad 21hb Mei lepas.

Peraduan pameran itu telah di-rasmikan oleh Awg. Hj. Mohd. Ali bin Hj. Mohd. Daud, Pengawal Imigereshen dan Pendaftaran Kebangsaan Brunei.

Sa-banyak sembilan jenis lukisan dan pertukangan-tangan telah di-pertandingkan yang antara-nya lukisan alam benda, gubahan fikiran, awan larat, poster, archa, anyaman dan tebokan kertas.

Peraduan itu telah juga di-bahagikan kapada tiga kumpolan — kumpolan 'A' bagi murid2 yang berumor 6 hingga 7 tahun yang di-menangi oleh SM. Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar; kumpolan 'B' bagi murid2 yang berumor 8 hingga 9 tahun dan kumpolan 'C' bagi murid2 yang berumor 10 hingga 12 tahun kedua2-nya telah di-menangi oleh SM. Junjongan.

Sementara itu bagi keputusan champoran peraduan itu SM. Junjongan telah munchol sa-bagai johan, SM. Batu Marang di-tempat kedua dan SM. Pulau Baru2 di-tempat ketiga.

Turut hadhir di-pameran itu termasok-lah Pengarah Pelajaran, Awg. Ahmad bin Hj. Jumat dan Timbalan Pengarah Pelajaran Awg. Abd. Razak bin Hj. Muhammad serta Awg. Zaini bin Abd. Hamid yang juga memberi uchapan selaku wakil Jabatan Pelajaran.

Termasok memeriahkan lagi pameran hari itu ialah persembahan hadhrah dan permainan muzik dengan menggunakan seruling oleh murid2 SM. OKBI. Subok serta tamu oleh pendudok2 kampong berkenaan.









GAMBAR kiri atas, permainan muzik dengan menggunakan seruling oleh murid2 kelas muzik SM. OKBI, Subok sedang mempersembahkan permainan mereka, gambar sa-belah kiri tamu yang menjual buah2an dan sayor2an yang turut memeriahkan lagi upachara tersebut dan gambar atas, orang2 kampong yang hadhir sedang menyaksikan pameran.



# MBB ANJOR KURSUS NIKAH KAHWIN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei telah menganjorkan satu kursus mengenai Nikah-Kahwin bertempat di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Saleha di-Kampong Saba, baru2 ini. Ini merupakan projek tahunan MBB yang di-kendalikan oleh Persatuan PERTIWI Brunei dan Persatuan PERKASA.



Kadzi Besar, Yang berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg Hj Abdul Hamid bin Bakal, telah menyampaikan cheramah mengenai kursus itu dan kira2 300 orang telah hadhir di-majlis tersebut.

Sementara itu, Yang Dipertua MBB, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif telah berlepas ka-Amerika Sharikat untok menghadhiri konvenshen Persatuan Penuntut2 Islam.

Sabtu lalu, sa-ramai empat orang pemimpin MBB telah berlepas ka-Singapura untok mengikuti satu kursus sa-lama kira2 tiga minggu.

Gambar atas kiri, Yang Dipertua Pertiwi, Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris sedang menyampaikan uchapan-nya di-Majlis Kursus Nikah-Kahwin, anjoran MBB dan di-kendalikan oleh Persatuan PERTIWI dan Persatuan PERKASA.

Majlis di-serikan dengan hidangan lagu2 berupa dakwah (Gambar kanan atas) dan gambar kiri menunjokkan hadhirin dan hadhirat penoh khusok mendengarkan cheramah Nikah-Kahwin di-majlis itu.



# Pertandingan Polo persahabatan

BERAKAS. — Perlawanan akhir bagi tiga siri perlawanan polo persahabatan antara pasokan2 tempatan dengan pasokan dari Hong Kong telah di-adakan minggu lalu di-padang Polo sini. Pasokan Polo dari Hong Kong telah di-kalahkan oleh pasokan tempatan dengan tujoh gol berbalas satu.

Dalam perlawanan pertama, pasokan pelawat itu telah di-kalahkan oleh pasokan polo Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan sa-puloh gol berbalas tiga dan pasokan pelawat itu telah mengalahkan pasokan polo Askar Melayu Diraja Brunei dengan empat gol berbalas tiga.

# YPLT johan badminton

BERAKAS. — Yunit Pusat Latehan Tentera telah menjadi johan perlawanan badminton antara pasokan2 Askar Melayu Diraja Brunei, sa-lepas mengalahkan gabongan Ibu Pejabat Tentera dan Chawangan Udara. Perlawanan akhir itu berlangsong di-Dewan Gerak Badan Perkhemahan Berakas minggu lalu.

Perengkat awal perlawanan itu bermula dengan di-sertai oleh yunit2 Battalion Pertama dan Kedua serta angkatan Laut Pertama AMDB.

# Perlawanan bola-tampar perengkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, telah munchol sa-bagai Johan bola-tampar perengkat akhir antara Sekolah2 Menengah Atas sementara Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara sa-bagai Naib Johan.

Bahagian Sekolah2 Menengah Bawah; Sekolah St Margaret's, Seria, munchol sa-bagai Johan dan Sekolah Menengah Melayu Mohd. 'Alam, Seria, sa-bagai Naib Johan.

Sa-banyak sa-puloh buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan perengkat akhir itu. Ianya di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran, sa-bagai projek tahunan-nya.

Sementara itu, pasokan2 bola-tampar dari Daerah Belait dan Tutong telah mengambil bahagian dalam satu perlawanan bola-tampar anjoran Persatuan Balai Bomba, sempena meluaran putera sulong Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Gambar kanan. Pengetua Sekolah Inggeris Berakas, Awang Adanan bin Buntar, sedang menyampaikan piala kapada yang berjaya dalam perlawanan bola-tampar perengkat akhir diantara Sekolah2 Menengah Atas dan Bawah. Gambar kiri menunjokkan suasana perlawanan pada petang itu, chukop menarek.



# Perlawanan Tarek Kalat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan tarek kalat akan di-adakan sa-bagai salah satu achara dalam sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.

Perlawanan2 itu akan bermula pada 25hb Jun dan perlawanan akhir di-jangka akan di-adakan dalam bulan Julai. Semua perlawanan akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan.

Perlawanan yang akan di-jalankan sa-chara pukul keliling itu ada-lah terbuka kapada Jabatan2 Kerajaan, persatuan2 belia dan kebajikan, sharikat2 perniagaan, pertubohan2, sekolah2 dan maktab2.

Borang2 untok menyertai perlawanan itu sekarang boleh di-dapati dari Pg Duraman bin Pg Haji Omarali, di-Jabatan Radio Talivishen Brunei dan Pg Mohammad bin Pg Sarpudin, di-Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah dikembalikan tidak lewat dari 15hb Jun.

# Hoki Sekolah2 Menengah Atas Daerah Brunei / Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan hoki antara Sekolah2 Menengah Atas bagi Daerah Brunei dan Muara akan di-langsongkan di-Padang Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, mulai pada 5hb Jun depan.

Sa-banyak 8 buah sekolah akan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut, ia-itu, mengandongi sa-banyak 16 pasokan terdiri dari lelaki dan perempuan.

Johan dan Naib Johan dalam perlawanan ini, akan mewakili Daerah Brunei dan Muara ka-perengkat sanegeri yang di-jangka di-adakan akhir bulan Jun.





# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN RADIO TALIVISHEN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen Brunei.

1. PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil City and Guilds Intermediate dalam bidang talikom atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai pengalaman yang berhubong dengan-nya sekurang2-nya sa-lama 4 tahun dan yang sebaik2-nya sa-bahagian dari-nya dalam bidang talivishen. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 akademik sa-penoh-nya tetapi mempunyai banyak pengalaman terutama dalam bidang talivishen atau radio dan telah menunjokan kebolehan dalam tugas mereka akan di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji C. 2-3 EB. 4 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275 - 1326 - 1377 - 1428 - 1479-1530-1581-1632-1683/EB/ 1734-1785-1836-1887-1938. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENULIS SEKERIP/ PEMBANTU SEKERIP

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Lulus Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sa-bagai Penulis Sekerip untok ranchangan2 radio atau talivishen.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB. 3 — $944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. JURUHEBAH PEMBACHA BERITA : (Inggeris)

Mahir menulis dan bertutor dalam bahasa Inggeris, mempunyai suara yang baik dan tokoh yang sajak dalam talivishen. Mesti-lah bersedia bekerja sa-chara bergilir2 termasok di-waktu petang dan hari2 Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam. Pemohon2 mesti-lah lelaki yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB. 3 — $944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PEGAWAI PERPUSTAKAAN FILEM DAN PITA :

Lulus Tingkatan Lima Inggeris/Melayu atau mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun dalam tugas2 perfileman dan pita. Mesti-lah mempunyai kebolehan dan daya usaha mengator sistem yang mudah dalam membuat/menyusun indeks dan katalog.

**Tugas2 :**
Membentok dan membaharui rekod2 perpustakaan Filem dan Pita bagi faedah2 siaran dan peranchangan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — $ 625-657-689-720-752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

5. TUKANG KAYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Tukang Kayu dari sa-sebuah Sekolah Pertukangan. Pemohon2 yang tidak mempunyai sa-sesuatu sijil tukang kayu tetapi mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 pertukangan tangan dan menggunakan mesin2 membuat benda2 kayu akan juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — $ 625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

6. TUKANG CHAT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil City and Guilds dalam matapelajaran chat mengechat. Kebolehan melukis ada-lah satu kelebehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — $625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

7. PEGAWAI MAKMAL TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Chalon2 hendak-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.
b) Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang mendapat kepujian dalam sains dan/atau Ilmu Hisab.
c) Keutamaan juga akan di-berikan kapada mereka yang mempunyai pengalaman dalam memperoses filem.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 2-3 EB.4-5—$446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. **Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.**

8. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN RENDAH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Lulus Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab dalam Tingkatan Lima atau sijil City and Guilds Intermediate dalam bidang talikom atau yang sebanding dengan-nya.

**Gaji :**
**Dalam sukatan gaji D. 1-2-3** EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 - 625-657-689-720-752-784/ E B / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

9. PENYAMBUT TETAMU:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 mesti-lah sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Keutamaan akan di-berikan kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman sa-bagai Penyambut Tetamu.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB/ 854-880-905-931-956 - 982-1007-1046-1071-1097-1122.

10. PENOLONG PERPUSTAKAAN FILEM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Berpengalaman dalam kerja2 perpustakaan filem dan pita merupakan satu kelebehan.

**Tugas :**
Chalon2 yang berjaya akan bertugas di-bawah penyeliaan Pegawai Perpustakaan Filem dan Pita. Tugas2 jawatan termasok-lah menyediakan daftar filem2 dan pita, menchatit butir2 penerimaan dan penghantaran-nya serta membuat lain2 tugas di-dalam bilek perpustakaan saperti yang di-arah.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 - 625-657-689-720-752-784/ E B / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

11. PEMANDU KERETA TINGKAT II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 22 hingga 40 tahun. Mesti-lah mempunyai lesen memandu sekurang2-nya Kelas III dan V dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB / 414-427-440.

12. PEMBANTU STUDIO :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah terdiri dari kaum lelaki berumor di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus darjah IV Melayu dan Tingkatan I Inggeris.

**Tugas :**
Membuat tugas2 yang meliputi kerja2 memberseh studio2 dan lain2 tugas dalam studio saperti yang di-arahkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 1-2 EB. 3 — $306-312-319-325-332-338-344-351 /EB/ 357-363-370-376-383. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb Julai, 1978.

(E/950/74 — Bil : 56/1978)

## Kuala Belait P.W.D. Tender Notices

### SERIAL No. KB 10/1978

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas C sahaja dan ka-atas yang berdaftar denagn Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 23hb Mei, 1978 bagi : —

MENGECHAT ATAP ABSESTOS ROOF OF J.B.S.E. BUILDINGS KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 10/1978

TENDERS will be received from Class C only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 23rd May, 1978 for : —

PAINTING TO ABSESTOS ROOF OF J.B.S.E. BUILDINGS KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 11/1978

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas 'B' sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 6hb Jun, 1978 bagi:—

PEMBENAAN LONGKANG CONCRETE SAPANJANG JALAN SUNGAI PANDAN (SEBELAH SELATAN) KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 11/1978

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th June, 1978 for : —

CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE DRAINS ALONG JALAN SUNGAI PANDAN (SOUTH SIDE) KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon on Tuesday 20th June, 1978 for : —

AIRCONDITIONING INSTALLATION M.R.S. GURKHA BATTALION SERIA

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows :

AIRCONDITIONING INSTALLATION M.R.S. GURKHA BATTALION SERIA

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan during normal working hours.
6. The Tender Deposit will be $200.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following furniture to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Chairs Plastic Stacking — Hille | 1000 Pieces |
| 2. | Table Kapor Wood with Aluminium Top | 10 Pieces |
| 3. | Sun Lounger Chair Metal | 18 Pieces |
| 4. | Chair Arm Metal | 48 Pieces |
| 5. | Table Round with Facility for Holding Umbrellas | 36 Pieces |

2. The tender should state price and delivery time. Enquires on specification can be made to DAA & QMG Regimental Headquarters, Berakas Camp.
3. Tender will be received by the Chairman, Tender Board at the Office of State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, at 4.00 p.m. Saturday 17th June 1978.
4. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderers. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF FURNITURE TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS CAMP".
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## RETENDER

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered contractors Class 'A' up to 12.00 noon on Tuesday, 6th June, 1978 for the construction and completion of : —

PROPOSED TELEPHONE HOUSE AT JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

2. Tender documents can be examined at and obtained from Public Works Department, Bandar Seri Begawan during normal office hours.
3. The tender deposit required is B$1,000.00 (Dollars One Thousand) and this is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona-fide tender and the return of all documents in good condition.
4. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-addressed envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelopes.
5. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Tukang Kebun/ Pemberseh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Permohonan2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 35 tahun dan tahu menulis dan membacha. Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan melebehi umor saperti yang telah di-tetapkan, boleh-lah memohon bagi di-pertimbangkan. Mempunyai pengalaman sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh ada-lah suatu kelebehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Julai, 1978.

(E/265/74 — Bil: 58/1978)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

### SERIAL No. 37(EP)/78

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Class "A" cable laying Contractor up to 12.00 noon on Tuesday, 20th June, 1978 for the following : —

ERECTION OF 37 FT. 28 FT. STEEL POLES AND STAY RODS ALONG JALAN LIMAU MANIS AT KAMPONG KUALA LURAH, BRUNEI

Tenders received after the stated time will be rejected.

Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked:—

"ERECTION OF 28 FT. AND 37 FT. STEEL POLES AND STAY RODS ALONG JALAN LIMAU MANIS AT KAMPONG KUALA LURAH, BRUNEI".

The form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The tender deposit will be $300.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

### SERIAL No. 39(IW)/78

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12 noon on Tuesday 20th June, 1978 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 1 BLOCK OF 12 UNIT JUNIOR FLATS FOR MEDICAL DEPARTMENT AT KUALA BELAIT, BRUNEI.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 1 BLOCK OF 12 UNITS JUNIOR FLATS FOR MEDICAL DEPARTMENT AT KUALA BELAIT".

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION OFFICE AND HOUSING COMPLEX DEPARTMENT OF SECURITY AND INTELLIGENCE, KUALA BELAIT**

REGISTERED Class 'A' Electrical Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services To Office and Housing Complex, Department of Security and Intelligence, Kuala Belait.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from Wednesday, 31st May, 1978 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, Tuesday 20th June, 1978. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: "Tender for Electrical Installation to Office and Housing Complex, Department of Security and Intelligence, Kuala Belait."

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# BANYAKKAN USAHA2 TEMPATAN SA-BAGAI SATU KEBANGGAAN — Hj. Ali



Awang Haji Mohd Ali.

SUBOK. — Senilukis dan pertukangan-tangan ada-lah merupakan satu daya-usaha yang lahir mengikut perasaan, kaseh sayang, chinta dan tanggong-jawab pada sesuatu yang di-fikir-kan boleh mendatangkan faedah bagi sa-seorang, ne-gara atau bangsa.

Untok itu dalam melahir-kan sesuatu chiptaan ahli seni sudah tentu melibat-kan ranchangan2 yang me-luas dan pemikiran yang tenteram dan mendalam.

Demikian antara lain yang di-nyatakan oleh Awg. Haji Mohd. Ali, Pengawal Imigeresen dan Pendaftar-an Kebangsaan Brunei ke-tika beruchap merasmikan Peraduan Pameran Senilu-kis dan Pertukangan-tan-gan bagi Sekolah2 Melayu Brunei III yang telah ber-langsong di-Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas di-sini, pada hari Ahad ming-gu lalu.

Awg. Haji Mohd. Ali mensifatkan pameran terse-but sa-bagai sangat penting dalam menchari bakat2 ahli seni yang mungkin be-lum dapat munchol kerana kekurangan peluang atau kebolehan masing2.

Bagaimanapun Awg. Ha-ji Mohd. Ali berharap su-paya senilukis dan pertu-kangan-tangan jangan-lah di-anggap sa-bagai satu usaha yang bermusim yang hanya timbol bila ada pa-meran serupa itu, tetapi ia-nya mesti-lah di-teruskan sa-bagai pendorong daya-chipta dan sa-bagai salah satu sumber pencharian sa-tiap hari.

"Walaupun ada di-antara kita akan menganggap ba-hawa hasil dari usaha2 itu tidak akan mendatangkan pendapatan yang lumayan, tetapi ini ada-lah lebeh baik daripada menggang-gor, lebeh baik daripada berdaur2 dan lebeh baik daripada merayau2 di-sana sini tanpa sesuatu tujuan", jelas-nya.

Awg. Haji Mohd. Ali sa-terus-nya berseru supaya belia2 yang ada pada masa ini yang bukan sahaja di-anggap sa-bagai mewakili zaman-nya, tetapi mereka mesti-lah juga menjadi be-lia2 yang bergerak maju demi untok kebaikan bang-sa dan negara kita.

Awg. Haji Mohd. Ali berkata, terdapat kebanya-kan kita mempunyai per-hiasan2 lukisan dan pertu-kangan-tangan yang di-da-tangkan dari luar negeri dengan mengambil kedu-dokan yang istemewa di-rumah2 yang mana keada-an ini beliau sifatkan, sa-bagai satu sifat bersubahat, membiarkan pengaroh2 luar merasok ka-dalam ma-sharakat kita, sa-hingga kita lebeh mengenali iden-titi orang lain dari diri kita sendiri.

"Akibat dari perbuatan kita ini, selain daripada ekonomi kita menitis ke-luar, ia-lah hingga kita ter-lupa akan kebolehan kita, asal-usol kita, sejarah kita yang gilang-gemilang dan empire kita yang besar", kata-nya.

Kapada ahli2 senilukis dan pertukangan-tangan, Awg. Haji Mohd. Ali ber-seru supaya mereka akan membanyakkan usaha2 tempatan sa-bagai satu ke-banggaan kita sendiri dan supaya kita dapat meman-charkan identiti bangsa dan negara kita.

"Kita mempunyai ber-aneka-chorak bahan2 hu-tan dan bahan2 bumi un-tok petukang2 menjelma-kan kapada benda2 yang realistik yang di-beri se-mangat dan di-serami de-ngan perasaan dan roh ke-budayaan kita sendiri. Ahli2 seni harus-lah per-chaya pada diri sendiri dan pada nilai2 diri sendiri. De-ngan ada-nya keperchaya-an ini baru-lah kita da-pat menchipta barang2 yang kita idam2kan dengan memuaskan", jelas Awg. Haji Mohd Ali.

## Kursus bagi pemimpin2 Sharikat Kerjasama

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kursus bagi Pe-mimpin2 Sharikat Kerja-sama Daerah Tutong akan bermula esok, 1 hb. Jun. Kursus sa-lama empat hari itu di-anjorkan oleh Jabat-an Kemajuan Kerjasama dan akan di-adakan di-Pu-sat Belia di-sini.

Menurut Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Ahmad Wally Skin-ner, tujuan di-adakan kur-sus tersebut ia-lah untok memberikan peluang kapa-da peserta2 mengenali lebeh mendalam lagi akan peranan dan tanggong-ja-wab mereka terhadap selok-belok pentadbiran dan pe-ngendalian sharikat2 kerja-sama dengan lebeh sem-purna.

Kata-nya, sa-masa kursus itu, peserta2 akan mende-ngar beberapa cheramah yang akan di-sampaikan oleh pencheramah2 dari wakil2 Pengarah Perta-nian, Pengarah Kemajuan Ekonomi dan pegawai2 dari Jabatan Kemajuan Kerja-sama. Di-samping itu ma-jlis perbinchangan juga akan di-adakan.

Kemunchak dari kursus itu ia-lah lawatan2 ka-sha-rikat2 kerjasama di-Da-erah2 Temburong, Brunei/ Muara dan Belait.

Awang Ahmad menyata-kan bahawa lawatan saperti ini akan memberikan pe-luang kapada peserta2 me-nyaksikan kegiatan2 dan pengurusan sharikat2 kerja-sama yang mungkin akan menjadi chontoh kapada peserta2 kursus.

Dari muka 1

yang menyebabkan timbul-nya kebimbangan dan ti-dak puas hati di-kalangan orang ramai, terutama yang mengalami kejadian2 itu.

Untok menghapuskan perbuatan2 yang tidak ber-patutan itu, Pengawal Har-ga telah mengatorkan su-paya penjual2 peti2 TV menghantar mekanik2 yang telah di-lateh untok mem-perbaiki jenis2 peti2 TV yang berkenaan; menyata-kan jenis kerosakan dan alat2 ganti serta harga-nya dan jumlah bayaran per-khidmatan.

Mereka juga di-kehendaki bahawa alat2 ganti yang ro-sak yang telah di-ganti hen-dak-lah di-kembalikan kapada tuan2 punya TV itu sa-bagai bokti yang alat2 itu-lah sa-benar-nya yang telah di-ganti.

Jika kerosakan yang sama berlaku lagi dalam satu tem-poh masa yang singkat, tidak ada pembayaran perkhidmatan akan di-kenakan bagi perkhid-matan kali kedua dan seterus-nya.

Pengawal Harga juga meng-ingatkan penjual2 peti2 TV supaya tidak mengenakan ba-yaran yang terlalu besar bagi upah membaiki dan alat2 ganti.

Beliau berharap supaya pe-ngimpot/pembahagi tunggal peti2 TV yang di-luluskan menyedari tanggong-jawab me-reka untok membekalkan per-khidmatan sa-lepas penjual2-an yang memuaskan.

Mereka juga, kata-nya, ha-rus bekerjasama bagi mem-pastikan ranchangan pinjaman TV Kerajaan di-jalankan de-ngan lichin-nya dan memberi-kan faedah kapada semua yang berkenaan.

## Penyelidekan penyakit untut

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pasokan dari Bahagian Kesihatan akan menjalankan gerakan me-nyelidek penyakit untut di-enam buah kampong di-Daerah Belait bulan depan.

Menurut jadual yang di-ator, pasokan itu akan me-lawat Kampong Tunggu-lian pada 5hb Jun bertem-pat di-Sekolah Chung Lian; di-Kampong Keluyoh pada 6hb Jun di-Barek Jabatan Kerja Raya; Kampong Sungai Liang pada 12hb Jun, Kampong Lumut pada 13hb Jun dan Kampong Sungai Teraban pada 19hb Jun. Penyelidekan2 di-kam-pong2 ini akan di-jalankan di-Balai Raya Kampong yang berkenaan.

Rombongan tersebut akan berada di-rumah Awang Hassan bin Metali No 7 bagi menjalankan pe-nyelidekan ka-atas pendu-dok2 di-Kampong Sungai Tali.

Semua penyelidekan2 itu akan di-jalankan di-antara jam 7.00 hingga 10.00 ma-lam kechuali penyelidekan di-Kampong Sungai Tera-ban yang akan di-jalankan pada 6.30 hingga 9.30 ma-lam.

Pendudok kampong2 yang berkenaan ada-lah di-nasehatkan supaya ber-kumpul di-tempat2 yang di-sebutkan.

## Belanja hidup di-Brunei semakin menurun

BANDAR SERI BEGA-WAN.— Belanja hidup di-Brunei ada-lah semakin me-nurun di-sepanjang bulan Mach dan April yang lalu berbanding dengan bulan Februari.

Turun-nya belanja hidup bagi bulan2 tersebut ada-lah berikutan dengan turun-nya harga beberapa jenis barang2 makanan keperlu-an harian.

Angka tunjok bagi bulan Mach dan April yang di-keluarkan oleh Pengawal Harga ia-lah 192.24 dan 188.86 yang menunjokkan bahawa petunjok bulan Mach itu lebeh rendah dari belanja hidup bulan Feb-ruari sa-banyak 1.24 atau 0.6 peratus, sementara pe-tunjok bulan April ada-lah lebeh rendah lagi dari bulan Mach ia-itu sa-banyak 3.38 atau 1.76 peratus.

Dalam satu siaran-nya, Pengawal Harga menyata-kan bahawa hala yang me-nurun itu ada-lah pada keselurohan-nya di-sebab-kan oleh turun-nya harga2 barang makanan.

Petunjok harga makanan turun dari 204.19 dalam bulan Februari kapada 202.60 dalam bulan Mach dan turun lagi kapada 198.28 dalam bulan April.

Harga barang2 makanan yang turun dalam bulan Mach ia-lah udang kering, kachang panjang, timun, bawang merah, bawang be-sar, lada kering, lada hi-dup, telor dan kopi biji.

Yang penting ia-lah turun-nya harga telor dari $2.40 sa-dozen dalam bulan Februari kapada $1.80 dalam bulan Mach dan kachang panjang dari $1.50 sa-kati kapada $1.30. Sebalek-nya terdapat pula kenaikan2 harga pusu kering, sawi puteh dan terong panjang, tetapi kenaikan2 itu tidak chukop besar untok mem-pengarohi harga2 barang ma-kanan lain yang turun.

Harga barang2 makanan da-lam bulan April jika di-ban-dingkan dengan bulan Mach menunjokkan bahawa harga2 ikan merah, pusu kering, sawi puteh, terong panjang, timun, bawang merah, bawang besar dan lada kering ada-lah lebeh murah.

Di-antara yang penting ia-lah turun-nya harga ikan me-rah dari $3.50 sa-kati dalam bulan Mach kapada $3.20 da-lam bulan April dan harga sawi puteh dari $1.45 sa-kati kapada $1.30. Borang makan-an yang harga-nya naik hanya-lah udang kering ia-itu dari $5.85 sa-kati kapada $5.90.

Angka tunjok belanja hidup tahun lepas bagi bulan2 yang sama sa-banyak 5.3 peratus bagi bulan Mach, sementara bagi bulan April ia-lah sa-banyak 2.9 peratus.

Bagaimanapun, petunjok2 harga pakaian, keperluan2 ru-mah-tangga, alat2 solek, minu-man dan rokok bagi ketiga2 bulan itu tetap tidak berubah.



**EMPAT orang telah di-lantek sa-bagai Ketua Kampong di-Daerah Brunei/Muara. Surat Per-lantekan kapada Ketua2 Kampong yang baru itu telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah, Awang Abdul Hamid bin Ismail dalam mashuarat bulanan Penghulu2 dan Ketua2 Kam-pong pada hari Khamis lalu.**

**Pengenalan gambar (dari kiri) Awang Haji Nayan bin Apong, Ketua Kampong Kulapis; Awang Haji Awang bin Jambol @ Haji Chuchu, Ketua Kampong Peramu; Awang Haji Me-tali bin Matyassin, Ketua Kampong Saba Darat 'A' dan Awg Tengah bin Othman, Ketua Kampong Tamoi Tengah.**

## Hampir 46,000 telah di-suntek

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari 45,800 orang telah di-berikan suntekan men-chegah penyakit kolera sejak kempen tersebut di-jalankan tujoh minggu yang lalu. Dari jumlah tersebut sa-ramai 40,800 ada-lah kanak2 sekolah.

Sa-orang juruchakap dari Jabatan Perubatan dan Kesi-hatan memberitahu, hampir se-mua kanak2 sekolah di-seluroh negeri telah di-suntek.

Kempen tahun ini telah ber-mula pada 10hb. April lepas di-Daerah Temburong.

Dan sa-jauh ini lebeh 5,000 pendudok di-empat2 daerah di-negeri ini telah di-suntek. Jabatan Kesihatan juga telah menubohkan 13 pasokan yang mengandongi 26 orang sa-tiap pasokan untok menjalankan kempen tersebut.

Kempen ini di-jangka ber-akhir pada penghujong bulan Jun.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.